

Fakulti Pergigian Usim utamakan kemahiran

Oleh Khairina Yasin

FAKULTI Pergigian (FP), Universiti Islam Sains Malaysia (Usim) menggunakan pendekatan penguasaan kemahiran menerusi pengajaran dan penilaian bagi mempersiapkan pelajarannya sebagai pengamal pergigian.

Dekan FP Usim, Prof Datuk Dr Wan Mohamad Nasir, berkata pendekatan itu bertepatan misi universiti berkenaan untuk menjadi sebuah institusi terkedepan dalam memimba dan menyebarkan ilmu pergigian, sekali gus meningkatkan kesedaran kesihatan pergigian di kalangan masyarakat negara ini.

Sehubungan itu, katanya, pengisian program di bawah FP dirangka mengikut kemahiran praktikal, latar belakang saintifik dan sikap anggun

pengamal pergigian.

Katanya, konsep asas bagi semua kursus yang ditawarkan Usim adalah berdasarkan falsafah persepaduan antara ilmu aqli iaitu akal dan ilmu naqli (wahyu).

“Sehubungan itu, penyediaan program di bawah FP dibuat mengikut kerangka pemikiran Islam sejagat untuk disesuaikan dengan pengajian pergigian dan falsafah perubahan atau pergigian Islam.

“Ketika ini, kita menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dengan pengambilan sulung seramai 30 pelajar pada sesi akademik Julai 2007/2008 lalu,” katanya kepada *Berita Harian*, baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, bagi tempoh dua tahun pertama pengajian, program direka bagi mengukuhkan

pengetahuan sains asas dan menghubungkan dengan bidang dan amalan pergigian.

Katanya, pengetahuan membina kemahiran klinikal dan rawatan pelajar pula ditekankan pada peringkat kedua pengajian bermula tahun ketiga pengajian.

“Pelajar turut didedahkan aspek sains tingkah laku mencakupi keseluruhan kurikulum yang memberi tumpuan kepada aspek hubungan antara doktor pergigian dengan pesakit, doktor pergigian dan anggota kesihatan serta doktor pergigian dengan masyarakat.

“Ini termasuk aspek profesionalisme dan etika, selain subjek elektif serta projek penyelidikan pula menyediakan peluang pelajarannya meneruskan kemahiran dalam bidang diminati,” katanya.